

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap keselamatan laman web agensi Kerajaan dan swasta serta berapa jumlah laman web yang telah digodam pada Ogos lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, tahap keselamatan laman web agensi kerajaan adalah baik. Kerajaan amat mengambil berat mengenai perkara ini terutama bagi agensi-agensi kritikal yang menyediakan perkhidmatan atas talian.

2. Insiden serangan siber pada bulan Ogos 2019 adalah berikutan daripada reaksi sebilangan rakyat Indonesia terhadap kenyataan seorang ahli perniagaan Malaysia berhubung cadangan pengenalan perkhidmatan *e-hailing* menggunakan motosikal di negara ini. Kumpulan-kumpulan penggadam Indonesia telah mengumumkan di media sosial untuk memulakan kempen serangan siber pada 30 Ogos 2019 dan menggesa rakyat Indonesia yang lain untuk turut serta.

3. Kerajaan melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi menghadapi serangan tersebut melalui tindakan berikut:

- a) Mengeluarkan *advisory* kepada semua agensi kerajaan dan organisasi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure* (CNII));
- b) Melaksanakan pemantauan dan mengenal pasti laman sesawang milik agensi kerajaan dan organisasi CNII yang mempunyai kelemahan dan berpotensi menjadi sasaran serangan. Pusat Kawalan dan Penyelarasan Siber Negara (NC4), NACSA telah menghubungi pentadbir laman sesawang tersebut dan mengarahkan tindakan pengukuhan dan pencegahan dilaksanakan;
- c) Bekerjasama dengan pusat operasi siber (COC) lain iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Pusat Operasi Pertahanan Siber (CDOC) dan GITN Sdn. Bhd untuk memantau sebarang aktiviti serangan

ke atas rangkaian dan melaksanakan pemantauan rapi secara berterusan; dan

- d) Berhubung dengan organisasi CNII secara berterusan melalui sistem NC4 bagi memantau sebarang serangan siber.

4. Sepanjang kempen tersebut, sejumlah 127 laman web telah mengalami serangan *web defacement*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 laman web dikendalikan oleh 22 agensi kerajaan dan 103 laman web melibatkan 93 agensi swasta. Laman web kerajaan terbabit tidak melibatkan perkhidmatan kritikal dan tidak mengganggu sebarang perkhidmatan atas talian kerajaan. Manakala kebanyakan laman web swasta pula melibatkan syarikat-syarikat kecil menggunakan perkhidmatan syarikat *web hosting* yang tidak menitikberatkan aspek keselamatan.

5. NACSA telah memaklumkan kepada semua pentadbir laman web kerajaan yang terlibat agar tindakan pembaikan dan pengukuhan dilaksanakan mengikut arahan dan garis panduan yang telah disediakan bagi mengelakkan insiden serupa berulang.

6. Di samping itu, kerajaan akan melaksanakan usaha agresif untuk memantau dan mengambil tindakan proaktif bagi mengukuhkan infrastruktur ICT kerajaan berdasarkan pelan tindakan Strategi Keselamatan Siber Negara yang akan dilancarkan kelak.

Sekian, terima kasih.